



# Pemartabatan Bahasa Melayu: Di Universiti Awam

erlembagaan Malaysia, yang juga dikenali sebagai erlembagaan Persekutuan, mengandungi 183 perkara an merupakan undang-undang tertinggi di negara ini. erlembagaan ini merupakan satu dokumen undang-undang yang bertulis yang telah dibentuk berasaskan ua dokumen terdahulu, iaitu Perjanjian Persekutuan anah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan ihun 1959. Antara 183 perkara yang terkandung alam Perlembagaan Persekutuan termasuklah erkara 152 yang memperuntukkan bahawa bahasa ebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu dan edudukannya sebagai bahasa kebangsaan, walau agaimanapun, tidak menafikan kedudukan dan ak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan ikembangkan, sekalipun dengan menggunakan dan wam. Kedudukan Perkara 152 tidak boleh dipadam

kerana Perkara 159 (5) menetapkan bahawa perkenan Majlis Raja-Raja diperlukan sekiranya perkara ini hendak dipinda.

Berdasarkan peruntukan ini, jelas dan tidak mampu dipertikaikan bahawa bahasa Melayu mempunyai kedudukan yang tidak boleh diganggu gugat sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Apa pun, kedudukan dan hak bahasa lain tidak dinafikan. Namun demikian, mutakhir, kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu seperti yang dimaktubkan dalam undang-undang tertinggi negara semakin tergugat. Hal ini dikatakan demikian apabila timbulnya kerunsingan tentang ketidakupayaan graduan lepasan institusi pengajian tinggi awam, khususnya, menguasai bahasa Inggeris apabila menghadiri temu duga di syarikat swasta, baik tempatan ataupun antarabangsa. Hal

ini membangkitkan kerisauan bahawa graduan negara semakin kehilangan nilai kompetitif dalam pasaran pekerjaan, terutamanya di sektor swasta. Lantaran timbul sesetengah pihak yang menuding jari ke arah sistem pendidikan negara yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dalam Bab 1 Sistem Pendidikan Kebangsaan, Perkara 17 menjelaskan bahawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Subseksyen (1) menjelaskan bahawa, bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini. Subseksyen (2) menjelaskan bahawa, jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

Melihat peruntukan yang digariskan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, jelas memperakukan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar atau bahasa penyampai ilmu. Pun demikian, bagi sekolah yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam subseksyen (1), bahasa Melayu harus diajarkan sebagai bahasa wajib. Dalam konteks perbincangan ini, jelas sudah kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara. Akan tetapi, sejauh manakah kedudukan

**Melihat peruntukan yang digariskan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, jelas memperakukan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar atau bahasa penyampai ilmu. Pun demikian, bagi sekolah yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam subseksyen (1), bahasa Melayu harus diajarkan sebagai bahasa wajib.**

dan keistimewaan ini mampu bertahan dan dipertahankan. Andai subseksyen (1) dibaca bersama Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, kedudukan bahasa Melayu utuh terjamin. Adakah hakikatnya sedemikian? Desakan beberapa kumpulan yang mahukan pindaan kepada sistem pendidikan yang sedia ada dengan menekankan pengajaran dan pemelajaran beberapa mata pelajaran dalam bahasa Melayu merupakan satu tindakan awal bagi menuruntarafkan kedudukan bahasa Melayu. Bahasa Melayu dikatakan tidak mampu mengungkapkan dengan tepat beberapa ilmu, khususnya yang berkaitan dengan mata pelajaran sains dan matematik. Persoalannya benarkah hal demikian? Benarkah hanya bahasa Inggeris yang berperanan secara berkesan dalam penyampaian bidang ilmu tersebut? Apakah dengan memberikan penekanan penyampaian ilmu dalam bidang-bidang ini akan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar, mahasiswa dan pendidik? Sebelum menjawab persoalan ini, perlu dilihat takrifan sistem

pendidikan kebangsaan yang menggariskan bahawa Sistem Pendidikan Negara hendaklah terdiri daripada:

- pendidikan prasekolah;
- pendidikan rendah;
- pendidikan menengah;
- pendidikan lepas menengah; dan
- pendidikan tinggi, tetapi tidak termasuk pendidikan di sekolah ekspatriat.

Tahap pendidikan ini pula dipecahkan pula kepada tiga kategori, iaitu:

- institusi pendidikan kerajaan;
- institusi pendidikan bantuan kerajaan; dan
- institusi pendidikan swasta.

Daripada pengelasan di atas, jelas bahawa sistem pendidikan kebangsaan merangkumi pendidikan dari peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat universiti. Lantaran itu, isu penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan amat

